



## **SIARAN MEDIA**

### **UDA MEMBAWA KECERIAAN KEPADA 70 ORANG ANAK-ANAK PUSAT INAPAN KASIH SAYANG, PONGSU SERIBU, PULAU PINANG**

**Kepala Batas, 2 Julai** – Saban hari, semakin banyak syarikat korporat yang menyedari akan kepentingan dalam menunaikan tanggungjawab sosial mereka, dengan berkongsi sebahagian kecil daripada perolehan bersama golongan yang kurang bernasib baik .

Seumpama acara tradisi setiap tahun, di sinilah saatnya, syarikat-syarikat besar mahupun kecil menunjukkan rasa keprihatinan mereka kepada masyarakat yang memerlukan ini.

UDA Holdings Berhad, sebagai sebuah syarikat pemaju yang bertanggungjawab terhadap pembangunan bandar, yang diterajui oleh Pengarah Urusan Kumpulan UDA, YBhg Datuk Ahmad Abu Bakar, sekali lagi mengorak langkah dalam menjalankan aktiviti amal dan kebajikannya seperti yang dituntut dalam Islam.

UDA dengan kerjasama anak syarikatnya UDA Land (North) Sdn Bhd tidak melepaskan peluang dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bulan Ramadhan yang mulia ini. Demi menggembirakan hati anak-anak asnaf seramai 70 orang daripada Pusat Inapan Kasih Sayang, Pongsu Seribu, Kepala Batas yang berusia lingkungan 10 hingga 12 tahun telah diraikan dalam program membeli belah kelengkapan menyambut Hari Raya

bertempat di AEON Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Warga kerja Komunikasi Korporat serta warga kerja UDA Land (North) telah mengiringi dan membantu anak-anak dari Pusat Inapan Kasih untuk mencuba dan membeli baju raya. RM250 telah diperuntukkan oleh UDA untuk membeli baju raya dan juga sebagai duit raya untuk anak-anak tersebut.

Majlis yang dikenali sebagai Indahnya Ramadan @ Pulau Pinang diteruskan lagi dengan majlis berbuka puasa dan telah diserikan dengan kehadiran YBhg Encik Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA serta barisan Pengurusan Kanan UDA dan juga UDA Land (North) Sdn Bhd.

Menurut Datuk Ahmad Abu Bakar, "Sumbangan ikhlas yang diberikan adalah sebagai tanda keprihatinan UDA dalam menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat selain merapatkan lagi hubungan silaturahim sesama insan. Program ini juga bertujuan untuk melaraskan hasrat murni UDA bagi mewujudkan masyarakat penyayang dan prihatin".

"Semoga dengan sedikit sumbangan yang diberikan ini dapat memberikan sinar keceriaan kepada anak-anak Pusat Inapan Kasih Sayang, Pongsu Seribu, Kepala Batas ini dalam menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi." Ujar beliau lagi

---

**TAMAT**

## **MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD**

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini.

Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari [www.uda.com.my](http://www.uda.com.my).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Puan Radziah Mohamed Fadzil**

Bahagian Pemasaran & Komunikasi  
Korporat  
UDA Holdings Berhad  
Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan  
Tuanku Abdul Rahman  
50100, Kuala Lumpur  
Tel : 03- 2730 8595  
Fax : 03- 2731 2855  
Email : [radziah@udanet.com](mailto:radziah@udanet.com)  
H/P : 017337 7630

**Puan Norazuana Abdullah**

Bahagian Pemasaran & Komunikasi  
Korporat  
UDA Holdings Berhad  
Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan  
Tuanku Abdul Rahman  
50100, Kuala Lumpur  
Tel : 03- 2730 8500 ext 2817  
Fax : 03- 2731 2855  
Email : [norazuana@udanet.com](mailto:norazuana@udanet.com)  
H/P : 0192239153